

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)

11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

Rujukan : USM. 25/3/i/a JLD. XL

Tarikh : 6 April 2023

Kepada : Semua Staf Bukan Akademik
Kampus Induk/Kesihatan/Kejuruteraan/
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)
Universiti Sains Malaysia

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 18 TAHUN 2023 :

- PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TAHUN 2023

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Universiti Tahun 2023 akan diadakan pada bulan **Julai 2023**. **Staf yang perlu lulus peperiksaan perkhidmatan sebagai syarat untuk disahkan dalam jawatan diminta mengambil perhatian tentang perkara ini dan memohon untuk mengambil peperiksaan berkenaan.**

2. Kerjasama tuan/puan diminta untuk memaklumkan kepada semua staf yang terlibat di Pusat Pengajian/Jabatan/Unit tuan/puan untuk mengemukakan permohonan mereka. Sehubungan itu juga, pihak Universiti telah menetapkan agar Peperiksaan Perkhidmatan Staf USM **dijalankan secara dalam talian (online)**.

3. Staf Yang Layak Mengambil Peperiksaan

Staf yang layak mengambil peperiksaan ialah sebagaimana yang telah disyaratkan di bawah Skim Perkhidmatan Universiti Sains Malaysia (*Sila rujuk kepada **Lampiran A** untuk menentukan kertas-kertas peperiksaan yang perlu diambil*). **Staf yang baharu dilantik dan yang belum disahkan dalam jawatan juga dinasihatkan menyemak surat pelantikan bagi keperluan untuk menduduki peperiksaan.**

4. Jadual Peperiksaan

Peperiksaan akan diadakan pada bulan **Julai 2023**. Tarikh sebenar bagi setiap kertas peperiksaan akan ditentukan selepas permohonan diproses. Jadual waktu peperiksaan akan diberikan kepada setiap calon sebelum peperiksaan diadakan. Sebarang pindaan kepada jadual waktu peperiksaan akan dimaklumkan kepada calon-calon yang terlibat. Setiap calon yang akan mengambil peperiksaan perlu mematuhi peraturan/arahan yang akan dilampirkan bersama jadual peperiksaan tersebut. **Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai sukatan peperiksaan yang akan diadakan, calon boleh mendapatkan maklumat tersebut melalui laman web bsm.usm.my.**

5. Permohonan

Staf yang ingin mengambil peperiksaan perlu membuat permohonan melalui **Campus Online pada menu e-Exam**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi **Encik Muhammad Fariz Ahmad Ali**, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar (*sambungan 6094 / 6098; fariz@usm.my*).

6. Tarikh Tutup Permohonan

Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 April 2023**. **Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.**

Sekian, terima kasih.

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 18 TAHUN 2023

- **PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TAHUN 2023**

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan

Ketua Seksyen Pengurusan
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

MAMS/MFAA/smaa/HebahanPep.PerkhidmatanTahun2023

Tel. : (6)04 6536070 ; Faks : (6)04 6534315 ; e-emel : azizudin@usm.my ; Web : registry.usm.my



SENARAI KERTAS PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
TAHUN 2023

GREED 41

1. **Pegawai Hal Ehwal Islam S41**
 - (a) Kertas 1 - Pegawai Hal Ehwal Islam (Umum)
 - (b) Kertas 2 - Pegawai Hal Ehwal Islam (Subjek Jabatan)

GREED 29

2. **Penolong Akauntan W29**
 - (a) Kertas 1 - Penolong Akauntan (Umum)
 - (b) Kertas 2 - Penolong Akauntan (Subjek Jabatan)

GREED 19

3. **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19**
 - (a) Kertas 1 - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Umum)
 - (b) Kertas 2 - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Subjek Jabatan)
 - (c) * 'IT Skills Assessment And Certification' (ISAC)
* Calon yang dilantik mulai 1 Januari 2018 perlu menduduki kertas peperiksaan ISAC bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.
4. **Pembantu Penyediaan Makanan N19**
 - (a) Kertas 1 - Pembantu Penyediaan Makanan (Umum)
 - (b) Kertas 2 - Pembantu Penyediaan Makanan (Subjek Jabatan)
5. **Pembantu Tadbir (Kewangan) W19**
 - (a) Kertas 1 - Pembantu Tadbir (Kewangan) (Umum)
 - (b) Kertas 2 - Pembantu Tadbir (Kewangan) (Subjek Jabatan)
 - (c) * 'IT Skills Assessment And Certification' (ISAC)
* Calon yang dilantik mulai 1 Januari 2018 perlu menduduki kertas peperiksaan ISAC bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.

GREED 11

6. **Pengawal Keselamatan KP11**
 - (a) Kertas 1 - Pengawal Keselamatan KP11 (Subjek Utama)
 - (b) Kertas 2 - Pengawal Keselamatan – **Teori** (Subjek Jabatan)
 - (c) Kertas 2 - Pengawal Keselamatan – **Amali** (Subjek Jabatan)